



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERLIS**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
PERLIS TAHUN 2021**

1. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang Di-Pertua Negeri berkenaan untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

2. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022. Manakala LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perlis Tahun 2021 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 20 Disember 2022 (Selasa).

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis

3.1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri

- i. Satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Perlis iaitu Pengurusan Tanah Kawasan Lingkungan Simpanan (KLS) Negeri Perlis di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perlis. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa prestasi pencapaian output adalah memuaskan kerana keluasan KLS mencapai 57.2% berbanding pengisytiharan sehingga 50% seperti yang ditetapkan dalam Wasiat Raja-Raja Melayu. Penggantian terhadap tanah KLS telah melebihi keluasan KLS yang dibatalkan.
- ii. Prestasi keberhasilan tercapai kerana 92% pegangan hak milik KLS dimiliki oleh bangsa Melayu dan Siam. Walaupun penggantian dan pengisytiharan tanah KLS tidak memenuhi syarat sepenuhnya, namun telah diluluskan dan dilaksanakan mengikut tujuan pembangunan yang sepatutnya di negeri Perlis.
- iii. Proses pewartaan KLS didapati tidak diuruskan dengan cekap kerana terdapat tanah yang dimasukkan sebagai KLS masih tidak diwartakan. Selain itu, tiada dokumen sokongan bagi rekod pembatalan KLS di Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB). Terdapat juga tanah yang diberi milik melalui Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tidak diisytiharkan sebagai KLS mengikut keputusan yang ditetapkan dan berlaku pencerobohan tanah KLS berikutan kelemahan tindakan penguatkuasaan.

3.1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis

- i. Pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan ke atas Pens Industries Sdn. Bhd. (PISB). Pengauditan ini merangkumi tiga aspek iaitu pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan

syarikat. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa PISB telah mencapai objektif penubuhannya melalui aktiviti pembekalan bahan batuan, tadbir urus korporat yang baik dan kedudukan kewangan yang kukuh.

- ii. Pencapaian keseluruhan output syarikat telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan syarikat melalui aktiviti pembekalan bahan batuan telah menyumbang RM48.41 juta kepada keseluruhan pendapatan syarikat bagi tahun 2019 hingga 2021. PISB juga telah menyumbangkan RM2.05 juta kepada hasil Kerajaan negeri melalui bayaran royalti dan membuat pembayaran dividen kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) berjumlah RM1.58 juta berdasarkan keuntungan tahun 2018 hingga 2020.
- iii. Pengurusan aktiviti telah dijalankan dengan cekap dan mematuhi dengan sewajarnya peraturan berkaitan operasi pengeluaran bahan batuan yang ditetapkan. Terdapat tunggakan penghutang melebihi 90 hari berjumlah RM2.66 juta di mana tempoh kutipan hutang mencapai purata 122 hingga 155 hari bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Amalan tadbir urus korporat adalah baik dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh dengan keuntungan terkumpul RM28.93 juta pada akhir tahun 2021.

3.2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perlis Tahun 2021

3.2.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- i. Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-Hal Lain iaitu:

- Kerajaan Negeri Perlis hendaklah memastikan pembayaran pembangunan di bawah peruntukan Geran Pemberian Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis mematuhi Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa bagi perkara berikut:

- memastikan pembayaran di bawah Pemberian TAHAP dibuat terhadap bekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah disempurnakan;
- menambah baik kawalan dalaman dan menyediakan prosedur operasi standard bagi tatacara pengurusan pembayaran selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan
- menjalankan siasatan terhadap pembayaran yang tidak wajar dan memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan dengan segera.

3.2.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- i. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM38.24 juta, iaitu menurun sebanyak RM28.88 juta berbanding RM67.12 juta pada akhir tahun 2020.
- ii. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan defisit semasa berjumlah RM23.16 juta. Defisit pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM4.17 juta berbanding defisit RM18.99 juta pada tahun 2020. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM0.32 juta atau 0.3% menjadi RM114.02 juta. Bagaimanapun perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan meningkat sebanyak RM4.49 juta menjadi RM137.18 juta.
- iii. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM0.29 juta atau 0.3% daripada RM107.39 juta pada tahun 2020 kepada RM107.68 juta pada tahun 2021. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM2.77 juta atau 3% daripada RM91.17 juta pada tahun 2020 kepada RM93.94 juta pada tahun 2021.
- iv. Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM12.39 juta atau 4.4% menjadi RM291.73 juta berbanding RM279.34 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM3.99 juta atau 2.2% menjadi RM186.54 juta berbanding RM182.55 juta pada tahun 2020.

4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan/agensi/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan/agensi dan pengurusan syarikat berkenaan, sebanyak tujuh syor telah dicadangkan dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis dan lima syor dalam LKAN Tahun 2021 Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perlis.
5. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 20 Disember 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 20 Disember 2022 selepas jam 11.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

20 Disember 2022
25 Jamadilawal 1444H